

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
Peperiksaan Kursus Semasa Cuti Panjang
Sidang Akademik 1998/99
April 1999
HGF 121 - Geografi Fizikal
Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LAPAN [8] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.

Jawab **EMPAT** [4] soalan. Jawab **DUA** [2] soalan dari setiap bahagian.

Bahagian A:

1. Bincangkan sejauhmanakah perubahan kandungan gas rumah kaca di atmosfera merupakan faktor utama berlakunya fenomena pemanasan global?

[25 markah]
2. Jelaskan faktor-faktor utama yang mempengaruhi pola taburan suhu di permukaan bumi.

[25 markah]
3. Jelaskan faktor-faktor utama yang mempengaruhi arah tiupan dan kelajuan angin permukaan.

[25 markah]
4. [a] Jelaskan perbezaan di antara siklon dan antisiklon.

[5 markah]

[b] Huraikan corak edaran tekanan tinggi dan corak edara tekanan rendah di hemisfera utara dan di hemisfera selatan.

[20 markah]

Bahagian B:

5. [a] Huraikan mekanisma bagi kejadian hanyutan benua.
[10 markah]
- [b] Dengan merujuk kepada contoh-contoh tertentu buktikan bahawa benua-benua di dunia ini telah bergerak dari tempat asal mereka.
[15 markah]
6. Pertambahan penduduk telah menyebabkan berlakunya kemerosotan tanah. Bincangkan mekanisme yang menyebabkan kemerosotan tersebut dan kesannya.
[25 markah]
7. Hakisan oleh air mengalir dapat mengubah sesuatu lanskap. Bincangkan peranan hakisan air mengalir dan kesannya kepada persekitaran sungai dan cerun.
[25 markah]
8. [a] Huraikan perkembangan cerun yang dikemukakan oleh Penck.
[10 markah]
- [b] Adakah teori Penck ini dapat diaplikasikan di tropika lembap?
[15 markah]